

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KE-14
(DEWAN RAKYAT)

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED
ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 13 NOV 2019 (RABU)

SOALAN

DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah langkah penggantian yang sewajarnya diambil Kerajaan terhadap pembatalan skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK). Pembatalan ini, menjejaskan 650,000 pekebun kecil bagi tanaman kelapa sawit seluruh negara termasuk di Parlimen Bukit Gantang yang sumber hasilnya tidak memberansangkan dan pada masa yang sama harga komoditi yang jatuh dan tidak stabil.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan sememangnya amat prihatin dengan situasi yang dialami oleh pekebun kecil sawit bukan sahaja di Parlimen Bukit Gantang, malah kesemua pekebun kecil sawit di negara ini.

Untuk makluman, Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) yang laksanakan sepanjang Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) telah digantikan dengan Skim Pembiayaan Mudah Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit (TSPKS). Skim TSPKS adalah merupakan program yang dirancang secara teliti berdasarkan formulasi yang terbaik mengikut acuan situasi ekonomi semasa negara. Skim ini juga dirangka mengikut keperluan terkini para pekebun kecil sawit persendirian dalam melaksanakan aktiviti penanaman semula. Skim ini adalah terbuka

SOALAN NO : 22

kepada mereka yang mempunyai pokok sawit berumur melebihi 25 tahun dan ke atas dengan had maksimum pembiayaan seluas 6.5 hektar. Kerajaan telah merangka agar skim TSPKS ini tidak membebankan para pekebun kecil sawit dengan kadar faedah yang cukup rendah, tempoh moratorium selama 48 bulan, tiada cagaran dan tiada penjamin.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat juga, skim pembiayaan TSPKS ini juga adalah selari dengan apa yang sedang dinikmati oleh para pekebun kecil tersusun di bawah rancangan FELDA yang diberi dalam bentuk pinjaman untuk program tanaman semula sawit.

Dengan purata harga bulanan minyak sawit mentah yang kembali meningkat iaitu RM1,946 pada Mei 2019 kepada RM2,280 pada 31 Oktober 2019, kesan pendapatan kepada para pekebun kecil sawit juga dijangka akan kembali pulih.

Sekian, terima kasih.